
ITEM CONTOH BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.



1 Kereta yang dipandu laju di atas jambatan itu terbabas lalu _____ ke dalam sungai.

A tersasar

B terjunam

C terperosok

D terpelanting

Ayat di bawah **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditanda dengan* **A**, **B** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D**.

2 Sultan mencemar duli (A) bersama-sama dengan permaisuri baginda ke majlis jamuan (B) diraja yang akan disempurnakan (C) di dewan orang ramai. Tiada kesalahan. (D)

LIVEWORKSHEETS

Pilih ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

3

I Kasut adik terlucut ketika berlari kerana ikatan tali kasutnya *longgar*.
II Seluar panjang yang baru dibeli oleh ayah untuk adik itu agak *longgar*.
III Perhubungan antara Yazid dengan Othman mulai *longgar* setelah mereka bertukar sekolah.
IV Langkahnya yang *longgar* ketika memperagakan fesyen menyebabkan orang ramai tidak meminatinya.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak**.
Tandakan sama ada **A** , **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan**.

4 Kejayaan seseorang usahawan di dalam sektor perniagaan bergantung kepada komunikasi yang berkesan dengan setiap pelanggan.

A di dalam sektor perniagaan bergantung pada

B dalam sektor perniagaan bergantung kepada

C dalam sektor perniagaan bergantung pada

D di dalam sektor perniagaan bergantung kepada

LIVEWORKSHEETS

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

5

I Bas sekolah yang kami naiki masih baru malahan tayarnya sudah tiada bunga lagi.

II Rancangan televisyen itu tidak banyak penontonnya tambahan pula disiarkan pada lewat malam

III penggunaan telefon bimbit memerlukan belanja yang besar tetapi tetap menjadi pilihan remaja

IV Ayah sedang mencuci kereta sementara abang sedang menyiram pokok bunga.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal**.

6 **Kegiatan harian penduduk di taman perumahan itu terganggu kerana bekalan air terputus selama beberapa hari.**

A Bekalan air yang disalurkan setiap hari ke taman perumahan itu terputus sehingga terencat aktiviti harian penduduk.

B Akibat keputusan bekalan air selama beberapa hari, aktiviti harian penduduk di taman perumahan itu terencat.

C Oleh sebab bekalan air terganggu, penduduk di taman perumahan itu tidak dapat menjalankan aktiviti mereka selama beberapa hari.

D Selama beberapa hari kegiatan penduduk di taman perumahan itu terganggu kerana bekalan air terputus.

LIVEWORKSHEETS

Pilih **peribahasa** *yang* **paling sesuai**.

7 Sebilangan kecil rakyat gemar memiliki barangan mewah sedangkan pendapatan mereka tidak seberapa. Oleh itu, kerajaan selalu mengingatkan mereka agar berbelanja mengikut kemampuan.

Keadaan ini diumpamakan seperti peribahasa yang berikut, **kecuali**

A ukur baju di badan sendiri

B besar pasak daripada tiang

C berapa panjang lunjur, begitulah selimut

D alah membeli menang memakai

LIVEWORKSHEETS